

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 JULAI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 30

### ECERDC sasar pelaburan RM5 bilion

# ECERDC sasar pelaburan RM5 bilion

Firma Korea Selatan rancang bangunkan sektor petrokimia di Terengganu

KUALA LUMPUR

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sedang mempergiat usaha untuk menarik pelaburan berpotensi dari Korea Selatan yang dianggarkan bernilai RM5.0 bilion.

Dalam satu kenyataan, ECERDC berkata pelaburan-pelaburan itu dijangka daripada firma terkemuka Korea Selatan yang terlibat dalam sektor petrokimia, bahan kimia khusus dan bahan termaju, dengan potensi untuk membangunkan kilang-kilang pembuatan bahan di Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Pentadbiran Negeri Terengganu, Tengku Datuk Hassan Tengku Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Baidzawi Che Mat berada di Korea Selatan dari 25 Jun hingga 2 Julai, mengetuai misi pelaburan dalam usaha mempromosikan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sebagai destinasi pelaburan



pilihan pelabur berpotensi.

Baidzawi berkata, misi itu merupakan kesinambungan daripada komunikasi berterusan antara pihak ECERDC dengan para pelabur sasaran di Korea Selatan sejak dua tahun lepas dan ECERDC menaruh keyakinan tinggi bahawa syarikat-syarikat ini akan melabur di Wilayah ECER, khususnya di negeri Terengganu.

"Rakan kongsi strategik kami turut sama menyertai delegasi ini bagi memudahkan proses perundingan dalam memenuhi sebarang keperluan bakal pe-



BAIDZAWI CHE MAT

labur, sekali gus menambahkan keyakinan mereka untuk melabur," katanya.

Semasa di Korea Selatan, Baidzawi berkata, delegasi telah

mengadakan pertemuan dengan wakil-wakil dari subsektor berpotensi lain yang menunjukkan minat untuk melabur dalam bidang bioteknologi, tenaga boleh diperbaharui dan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Misi pelaburan ini dijangka mampu mengukuhkan hubungan dua hala dan menarik lebih banyak pelaburan berpotensi daripada kalangan syarikat Korea Selatan ke ECER dan pihak ECERDC menghargai sokongan yang diberikan oleh pihak MIDA di Seoul sepanjang misi ini," tambahnya.

Korea Selatan merupakan antara rakan dagang terbesar Malaysia dengan nilai perdagangan antara kedua-dua negara berjumlah RM79.78 bilion pada tahun 2020. - Bernama